

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 AUGUST 2016



Dr Mahathir bersama Muhyiddin dan Mukhriz mengadakan sidang media di Bukit Bandaraya, Kuala Lumpur, semalam.

3 pegawai tinggi dikhianati salah seorang mereka: Tun M

BH- 22/8/2016

➔ Dr Mahathir jawab tuduhan bersubahat jatuhkan Perdana Menteri

Oleh Amin Mokhtar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa tiga pegawai tinggi kerajaan yang dituduh bersubahat untuk menggulingkan Datuk Seri Najib Razak, 'dikhianati' seorang daripada mereka.

Dr Mahathir berkata, jika pegawai terbabit iaitu bekas Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz; bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail dan bekas Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed tidak dikhianati, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sudah berdepan tindakan undang-undang.

"Saya fikir, Zeti tidak bersalah, begitu juga Abu Kassim dan Abdul Gani, namun mereka dikhianati oleh salah seorang di kalangan mereka.

"Jika tidak, Najib sudah berdepan dengan tindakan seka-

rang," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden Penaja Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Dr Mahathir berkata demikian susulan tuduhan mengatakan beliau bersubahat dengan tiga pegawai terbabit untuk menjatuhkan Najib.

"Semua tidak benar sama sekali. Saya berharap kami boleh lakukan. Memang saya berharap," katanya.

Hanya khabar angin

Bagaimanapun, ketika diminta mendedahkan siapakah pengkhianat itu dan individu yang beliau maksudkan itu, Dr Mahathir dengan pantas berkata, ia hanya khabar angin.

Beliau turut melahirkan kebimbangan berdepan tindakan undang-undang jika terus memperkatakan hal berkenaan.

"Ini semua hanya khabar angin, saya tidak cakap. Saya tidak mahu mereka menyaman saya kerana saya tidak mempunyai

wang yang banyak seperti Najib miliki," katanya.

Sebelum ini, Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun mendakwa Zeti, Abdul Gani dan Abu Kassim bersubahat dengan Dr Mahathir untuk menjatuhkan Najib.

Dikongsikan bersama trio terbabit

Khairul Azwan mendakwa ia berdasarkan kepada komen bersama antara Dr Mahathir dengan Zeti, Abdul Gani dan Abu Kassim mengenai laporan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) dengan media antarabangsa di Jakarta, Indonesia.

Komen berkenaan dijangka dikongsikan bersama trio terbabit ketika sidang media khas, akan dirakam dan klip video itu akan dihantar kepada Dr Mahathir.

Khairul Azwan berpendapat laporan polis yang dibuatnya tempoh hari terhadap tiga individu terbabit adalah faktor yang menyebabkan rancangan mereka gagal.